

SIKAP BELIA TERHADAP PEMIKIRAN TIDAK BERAGAMA

Zainora Daud,¹ Norsaleha Mohd. Salleh,¹ Noorhafizah Mohd. Haridi,¹ Ahmad Munawar bin Ismail²

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

² Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia.

Corresponding Author: Zainora Daud. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 44300, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Tel: (60) 192623681. Email: zainora@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kertas ini membincangkan sikap belia terhadap pemikiran tidak beragama. Kajian ini merupakan kajian rintis yang melibatkan 43 orang belia di salah sebuah IPT, di Malaysia. Kajian ini bertujuan meninjau latarbelakang belia terhadap pemikiran tidak beragama serta menganalisis aspek sikap golongan belia Islam. Reka bentuk kajian ini iaitu kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik yang telah dibina oleh kumpulan penyelidik dan kandungannya telah disahkan oleh panel pakar. Kebolehpercayaan instrumen kajian berdasarkan nilai Cronbach Alpha yang mencapai tahap $\alpha = 0.81$ adalah tinggi. Dapatan analisis menunjukkan tahap penghayatan belia berada di tahap yang baik dengan majoriti belia menunjukkan sikap yang amat prihatin tentang Islam serta minat dalam program-program keagamaan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa sikap belia terhadap pemikiran tidak beragama berada di tahap skor min rendah iaitu ($\text{min} = 1.28$, $\text{sp} = 0.31$). Namun begitu hanya terdapat beberapa item yang menunjukkan sikap negatif belia terhadap pemikiran tidak beragama. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa tahap sikap belia yang rendah terhadap pemikiran tidak beragama tidak dipengaruhi daripada latarbelakang belia, walau bagaimanapun aspek umur mempengaruhi sikap belia terhadap pemikiran tidak beragama.

Kata kunci: Malaysia, Belia, Sikap, Pemikiran, Agama

(THE ATTITUDES OF YOUTH TOWARDS NON RELIGIOUS THINKING)**ABSTRACT**

This paper discusses the attitudes of youth towards non-religious thinking. This study is a pilot study involving 43 youths at one university, in Malaysia. This study aims to review the youth's background of unbelief thinking and to analyze their attitudes towards it. The design of this study quantitative research by using questionnaires that had been built by a group of researchers and its content was approved by a panel of experts. Reliability of the instrument based on the Cronbach Alpha, which reached the

high level of $\alpha = 0.81$. The results show the appreciation of youth is on a good level with the majority of youth concerned about Islam and interest to join in religious programs. The findings also showed that the attitude of the youth towards irreligious thought in the low mean score (mean = 1.28, sd = 0.31). However, there are only a few items that showed a negative attitude towards the idea of irreligious thought. The findings clearly show that low levels of youth attitudes toward non-religious thinking is not influenced by their backgrounds but in the aspect of age.

Keywords: Malaysia, Youth, Attitude, Thought, Religion

Received: December 3, 2015

Accepted: January 6, 2016

Online Published: December 30, 2016

1. Pengenalan

Serangan pemikiran yang berlaku di dalam dunia tanpa sempadan di dalam era globalisasi kini telah menjadikan manusia lebih terdedah kepada pelbagai budaya luar dan pelbagai kesan yang buruk. Golongan yang mudah terpengaruh dan menerima kesan yang besar kepada proses ini ialah belia, kerana mereka adalah antara golongan yang mudah menerima unsur luar dan menerimanya tanpa tapisan yang bijaksana (Ulwān, 2003). Usia belia bermula daripada umur selepas 12 tahun dan mencapai kemuncak di penghujung 16 tahun, dalam peringkat ini remaja telah boleh berfikir secara abstrak dan boleh menyelesaikan masalah secara kompleks (Mok Soon Sang, 2005). Ini jelas menunjukkan bahawa waktu belia merupakan waktu konflik dalam membentuk personaliti sama ada personaliti yang baik atau buruk. Lantaran itu, belia perlu memiliki kefahaman yang mantap dan jelas tentang akidah Islam bagi menolak pelbagai serangan pemikiran menyerap masuk dalam pemikiran seseorang sama ada melalui saluran media, komunikasi, internet dan lain-lain. Pengertian sikap sinonim dengan pandangan, sifat, resmi, resam, gaya, tingkah laku, gerak geri, perangai, takah dan aksi (Kamus Dewan, 2005). Sikap belia terhadap pemikiran tidak beragama merangkumi pandangan atau tingkahlaku belia terhadap pemikiran-pemikiran seperti aliran humanisme, sekularisme, pluralisme dan liberalisme.

2. Latar Belakang Pemikiran Tidak Beragama

Penggunaan istilah pemikiran tidak beragama merupakan suatu istilah yang merujuk kepada satu gagasan pemikiran yang menolak agama sebagai tempat rujukan manusia. Malah gagasan pemikiran ini percaya tentang hak asasi manusia yang sepatutnya melakarkan kehidupan mereka sekarang dan akan datang tanpa perlu campur tangan daripada agama dan undang-undang syariat. Gagasan pemikiran ini juga tidak menerima nas al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan hakiki kepada permasalahan umat, malah meletakkan semuanya kepada manusia. Menurut konteks tidak beragama dimaksudkan sebagai deisme, nontisme, ignotisme, anti agama atau humanisme sekular. Pemikiran ini berasal daripada Barat yang mengamalkan cara hidup bebas yang berpaksikan hak asasi manusia yang bertentangan dengan konsep ajaran Islam.

Gagasan ini diperkenalkan oleh Rocco Caporale dan Antonio Grumelli (1972) melalui tulisan mereka yang bertajuk *The Culture of Unbelief*. Menurut William J. McKinney, Jr. (1972), gagasan ini tidak mempercayai kewujudan Tuhan,

walaupun bagaimanapun mereka tidak mempunyai kemampuan untuk menolak kewujudan Tuhan. Seolah-olah kepercayaan mereka berada antara iman dan atheis akibat keraguan yang timbul dalam diri.

Dalam konteks Malaysia, pemikiran tidak beragama telah banyak dikaji oleh sarjana dan diperdebatkan dalam kalangan aktivis Islam, namun istilah pemikiran tidak beragama jarang diketengahkan dalam kajian sebelum ini. Sering ditemui kajian seperti humanisme, sekularisme, pluralism dan sebagainya. Jelasnya pemikiran ini muncul impak daripada pasca modenisasi dan globalisasi yang dibawa oleh Barat dalam dunia Islam melalui penjajahan, pendidikan dan media yang disalurkan melalui serangan pemikiran. Serangan pemikiran Barat kepada dunia Islam telah menular dan telah berjaya menguasai pemikiran masyarakat, khususnya golongan belia.

3. Permasalahan Kajian

Dalam konteks negeri Selangor, ciri-ciri pemikiran tidak beragama boleh dilihat melalui kenyataan yang dikeluarkan oleh *Sister in Islam* (SIS Forum), *Islamic Renaissance Front* (IRF), Projek Dialog, ungkapan yang diketengahkan oleh Benz Ali, golongan belia dalam Universiti Terbuka Anak Muda (UTAM), *Oktober Pest*, Program *I want to touch a dog* dan Konsert K-Pop yang hangat diperkatakan dewasa ini.

Sister in Islam (SIS) adalah sebuah syarikat yang telah diasaskan Zainah Anwar, Aminah Wadud dan rakan-rakan (Rafidah Hanim 2015). SIS melalui laman web dan face book miliknya banyak mempersoalkan keadilan undang-undang hudud ke atas wanita seumpama mereka membantah pesalah yang melakukan sumbang mahram itu dihukum sebat oleh mahkamah syariah. Malah mereka mempersoalkan hukuman sebat kepada wanita yang didapati bersalah minum arak, walaupun wanita terlibat menerima hukum itu dengan lapang dada. SIS ini juga menyokong wanita muslimah menyertai pertandingan ratu cantik, malah mereka mempertikaikan sistem fatwa yang melarang penglibatan wanita muslimah dalam pertandingan tersebut. Mereka juga secara terang menyokong kebebasan beragama dan menukar agama bagi orang-orang Islam walaupun ia bertentangan dengan perlembagaan di Malaysia dan agama Islam itu sendiri. Begitu juga mereka mendakwa bahawa berhijab bagi wanita muslimah bukanlah satu kewajipan malah merupakan satu budaya daripada Negara Arab.

Islamic Renaissance Front (IRF) adalah sebuah pertubuhan yang diketuai oleh seorang doktor perubatan bernama Farouq Musa. Dalam tulisannya, Farouq Musa (2014) berpendapat sesungguhnya harus difahami bahawa negara bukanlah sesuatu daripada Tuhan tetapi daripada rakyat. Negara harus melayani rakyat keseluruhannya dan bukan hanya kumpulan tertentu berdasarkan agama mereka. Negara harus menjadi neutral dalam semua aspek. Harus juga dinyatakan dengan jelas bahawa negara adalah produk manusia dan menguruskan negara memerlukan daya usaha manusia dan bukannya inspirasi wahyu. Mentadbir negara berada dalam wilayah politik dan bukan dalam wilayah wahyu.

Manakala Projek Dialog adalah sebuah *website* yang dianggotai oleh Faisal Tehrani, Benz Ali dan rakan-rakan banyak mempromosi kebebasan beragama, budaya dan mazhab. Malah *website* ini juga mempromosi kebebasan amalan LGBT yang boleh memberi kesan kepada kecelaruan identiti seseorang. Khalid Mohd Ismath merupakan seorang anak muda yang mendapat perhatian masyarakat kerana kenyataan dan tindakan yang bertentangan dengan undang-undang di Malaysia. Dalam satu status pada *facebook* milik akaunnya mendakwa bahawa beliau tidak kisah sekiranya

pemimpinnya seorang LGBT, tidak beragama atau sosial. Apa yang penting dia melaksanakan amanah rakyat dan negara serta tidak menyalahgunakan kuasa. Malah kebebasan bersuara yang diperjuangkannya mengakibatkan beliau tanpa rasa bersalah membuat kenyataan berikut;

“Penat lelah ahli bawahan PAS buat kerja jatuhkan BN, Ust Azizan Razak sembrono naikkan nama pemuda BN dalam TV3 tadi. Ini Sial Celaka”.

Benz Ali dalam tulisannya di Website Projek Dialog berkata;

“... sesiapa sahaja yang mahu berbeza kepercayaan dengan kita, mahu berbeza Tuhan dengan kita, atau tidak mahu percaya Tuhan sepertimana kita, ditahan dan dirampas kepercayaannya?” (Benz Ali 2014).

Ini beberapa kenyataan yang dibuat oleh berbagai pertubuhan dan individu yang mempunyai ciri-ciri pemikiran tidak berasaskan disiplin agama. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana pemikiran seumpama ini mempengaruhi cara berfikir golongan belia Islam di Institusi Pengajian Tinggi Negeri Selangor. Rentetan daripada permasalahan, satu kajian perlu dilaksanakan bagi mengenalpasti pemikiran tidak beragama dalam kalangan belia negeri Selangor dengan memfokuskan kajian terhadap golongan belia Islam yang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Negeri Selangor.

4. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah tinjauan yang menggunakan satu set soal selidik iaitu Skala Pemikiran Tidak Beragama. Tujuannya untuk mendapatkan maklumat daripada sumber yang berbeza-beza menggunakan alat ukur yang berlainan (Wiersma, 2000; Gay dan Airasian 2000). Menurut Kerlinger (1973) soal selidik adalah merupakan salah satu cara untuk mendapatkan jawapan kepada soalan penyelidikan. Babbie (2001) pula berpendapat soal selidik boleh merangkumi bidang yang luas dan boleh dirangka dengan mudah tanpa kehadiran penyelidik. Situasi ini memberi ruang yang agak selesa, tenang dan telus kepada responden untuk menjawab soalan.

Pengkaji telah memilih Selangor sebagai tempat kajian kerana negeri Selangor mempunyai subjek dan data yang mampu menjawab persoalan kajian serta tujuan kajian. Neuman (2006), Marohaini Yusof (2004) dan Sidek Mohd. Noah (2002) mencadangkan empat faktor untuk ditimbang dalam pemilihan tapak atau lokasi kajian; kaya dengan data, *unfamiliarity*, sesuai dan mempunyai rangkaian sosial yang baik. Populasi kajian ini adalah terdiri daripada belia Islam yang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam yang belajar di seluruh Negeri Selangor.

Kaedah persampelan yang digunakan bagi memilih sampel dalam kajian ini adalah kaedah persampelan secara rawak. Kaedah ini digunakan bagi memastikan setiap ahli mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian ini (Ary et al. 1996). Melalui kaedah ini juga pengkaji berupaya melakukan inferens secara statistik daripada sampel kepada populasi kajian (Berenson & Levine 1992). Dalam kajian ini, pemilihan jumlah sampel ini mengambil kira pandangan yang dikemukakan oleh Krejcie & Morgan (1970), Cochran's Formula (1977) dan Uma Sekaran (2003) berkenaan bilangan dan formula pemilihan sampel serta mendapati jumlah sampel yang telah dipilih adalah yang terbesar.

Secara umumnya, kajian ini akan dikumpulkan dengan menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif. Instrumen yang dibentuk bagi mengumpulkan data yang diperlukan ialah melalui pengedaran soal selidik yang telah dibina oleh sekumpulan penyelidik. Set soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian;

Bahagian A: Latar belakang responden. Bahagian B: Maklumat tentang Pemikiran Tidak Beragama yang mengandungi tiga konstruk utama iaitu Pengetahuan, Persepsi dan Sikap. Ketiga-tiga konstruk ini digunakan untuk mengukur elemen pemikiran tidak beragama yang terdiri daripada pemikiran humanisme, sekularisme, pluralisme dan liberalisme.

Instrumen kajian telah dibina oleh sekumpulan pakar dalam bidang masing-masing yang kemudiannya diuji melalui ujian rintis kepada sekumpulan belia Islam seramai 43 orang. Ujian Cronbach Alpha bagi ujian rintis mencapai tahap $\alpha = 0.84$ adalah tinggi. Sebanyak 43 soal selidik telah diedarkan kepada responden kajian rintis. Data yang dikumpulkan daripada 43 orang sampel rintis diproses dua kali untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen yang digunakan. Seterusnya data dibersihkan serta menyingkirkan sebarang outliers yang mengganggu.

5. Dapatan Kajian

Kajian ini melaporkan dapatan kajian rintis yang bertujuan untuk mengenal pasti latarbelakang dan sikap belia terhadap pemikiran tidak beragama dalam kalangan belia Islam di Negeri Selangor. Peserta kajian rintis yang dipilih secara rawak adalah seramai 43 orang. Analisis deskriptif frekuensi dan peratusan digunakan untuk menerangkan profil responden kajian. Mana kala analisis deskriptif min, sisihan piawai dan peratus digunakan bagi mengenal pasti tahap sikap terhadap Pemikiran Tidak Beragama peserta kajian.

5.1 Latar Belakang Demografi Kajian

Kajian profil dilakukan kepada 43 orang belia Islam yang belajar di salah sebuah institusi pengajian tinggi di negeri Selangor (sila rujuk jadual 1) bagi mengenalpasti profil responden kajian.

Jadual 1. Profil sampel mengikut jantina, status dan taraf pendidikan ibu bapa

Faktor	Kategori	N	Peratus
Jantina	Lelaki	23	53.5
	Perempuan	20	46.5
Umur	25 ke bawah	42	97.7
	26 ke atas	01	2.3
Lokasi kediaman	Bandar	27	62.8
	Luar Bandar	16	37.2
Pendapatan dalam keluarga	Bawah RM5000	30	20.4
	RM5000-RM9,999	10	69.9
	Atas RM10,000	3	10.1
Bidang Pengajian	Pengajian Islam	28	65.1
	Bukan Pengajian Islam	15	34.9
Jumlah		43	100

Dari segi jantina jadual di atas menunjukkan seramai 23 orang responden (53.5%) dalam kajian ini adalah pelajar lelaki, manakala seramai 20 (46.5%) pula adalah terdiri daripada pelajar perempuan. Ini menunjukkan jumlah responden lelaki melebihi jumlah responden perempuan dalam kajian ini. Dari segi umur hampir kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini berumur 25 tahun ke bawah seramai

42 orang responden (97.7%). Manakala hanya seorang responden (2.3 %) berumur 26 tahun ke atas.

Merujuk kepada lokasi kediaman pula seramai 27 responden (62.8%) berasal dari bandar. Manakala seramai 16 orang responden (37.2%) berasal dari luar bandar. Merujuk kepada pendapatan dalam keluarga seramai 30 orang responden (69.9%) mempunyai pendapatan bawah RM5000. Manakala 10 orang responden (20.4%) mempunyai pendapatan RM 5000 – RM 9,999 dan 3 orang responden (10.1 %) mempunyai pendapatan dalam keluarga atas RM 10,000.

Merujuk kepada bidang pengajian pula, seramai 28 orang responden (65.1%) adalah pengajian Islam. Manakala 15 orang responden (34.9%) mempunyai latar belakang pengajian bukan pengajian Islam.

Jadual 2. Profil sampel mengikut jantina, status dan taraf pendidikan ibu bapa

Jadual 2: Papan sampel mengikut jantina, status dan cara penaklukan ibu bapa					
Faktor		Kategori	N	Peratus	
Penghayatan kehidupan	Islam	dalam	Tidak mengambil berat	1	2.3
			Kurang mengambil berat	10	23.3
			Mengambil berat	32	74.4
Gred Pendidikan Islam SPM			A	30	97.7
			B	10	2.3
			C	3	7.0
Mengikuti ceramah agama			Tidak mengambil berat	1	2.3
			Kurang mengambil berat	11	25.6
			Mengambil Berat	31	72.1
Medium yg digunakan mendapat	digunakan bagi		Buku/majalah/akhbar	14	32.6
			Smeinar/kursus/bengkel	3	7.0
Pengetahuan Islam			Media sosial/eletronik	20	46.5
			Rakan-rakan	2	4.7
			Lain-lain	4	9.3
Jumlah				43	100

Merujuk kepada penghayatan Islam dalam kehidupan, seramai 32 orang responden (74.4%) mengambil berat tentang Islam. Seramai 10 orang responden (23.3%) kurang mengambil berat tentang Islam dan hanya seorang responden (2.3%) tidak mengambil berat. Dapatan dari soalselidik juga menunjukkan 30 orang responden (97.7 %) mendapat gred A dalam Pendidikan Islam di peringkat SPM. Seramai 10 orang responden (23.2 %) responden mendapat gred B dan selebihnya 3 orang responden (7.0%) responden mendapat Gred C.

Merujuk kepada kecenderungan dan minat responden mengikuti ceramah agama menunjukkan 31 orang responden (72.1%) mengambil berat , 11 orang responden (25.6 %) kurang mengambil berat dan hanya seorang responden (2.3%) tidak mengambil berat. Medium yang digunakan bagi mendapat pengetahuan Islam.

Secara keseluruhan seramai 20 orang responden (46.5%) mendapat pengetahuan Islam dari media sosial / elektronik, 14 orang responden (32.6%) mendapat pengetahuan Islam daripada buku/ majalah dan akhbar. Manakala 4 orang responden (9.3%) lain-lain, 3 orang responden (7.0) mendapat daripada seminar/ kursus/ bengkel dan 2 orang responden (4.7%) mendapat pengetahuan Islam daripada rakan-rakan.

5.2 Sikap Belia terhadap Pemikiran Tidak Beragama

Dalam jadual 3 di bawah, secara keseluruhan domain sikap belia terhadap pemikiran tidak beragama adalah rendah iaitu skor min 1.28 (p: 0.31). Hasil analisis soal selidik ini menunjukkan sikap belia terhadap elemen tidak beragama kalangan responden masih di dalam keadaan yang terkawal tetapi agak membimbangkan kerana ideologi pemikiran tidak beragama sudah mula bertapak dan menular sedikit demi sedikit dalam kehidupan belia Islam. Kenyataan ini dibuktikan dengan min bagi domain sikap responden terhadap elemen tidak beragama.

Jadual 3. Skor min bagi Domain Sikap terhadap Pemikiran Tidak Beragama Belia Islam

Domain utama	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
Sikap	1.28	0.31	Rendah

Jadual 4 di bawah menunjukkan dapatan kategori sikap belia terhadap pemikiran tidak beragama responden. Aliran pemikiran yang dikaji jelasnya terbahagi kepada empat kategori iaitu aliran humanisme, sekularisme, pluralisme dan liberalisme. Secara keseluruhan skor min bagi keempat-empat elemen tersebut adalah rendah dibuktikan dengan dapatan skor min bagi humanisme min = 2.94 (sp: 0.37), sekularisme min = 2.42 (sp: 0.32), pluralisme min = 2.16 (sp: 0.43) dan liberalisme min = 1.97 (sp: 0.29).

Jadual 4. Skor min bagi kategori sikap belia terhadap pemikiran tidak beragama

Kategori	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
Humanisme	2.94	0.37	Rendah
Sekularisme	2.42	0.32	Rendah
Pluralisme	2.16	0.43	Rendah
Liberalisme	1.97	0.29	Rendah

Jadual 5 di bawah menunjukkan sub topik sikap belia terhadap pemikiran tidak beragama berada di tahap yang lemah. Sebanyak dua puluh dua item mencatatkan min yang rendah dan hanya terdapat dua item sahaja yang berada di tahap min sederhana rendah iaitu item saya bersetuju mata pelajaran agama selain agama Islam hendaklah diajar di semua sekolah mencatatkan min 2.06 dengan peratusan responden sangat tidak setuju 58.1%, tidak setuju 2.3%, kurang setuju 18.6%, setuju 16.3% dan sangat setuju 4.7% dan item saya menyokong kalimah Allah boleh digunapakai untuk semua agama berada pada min 2.02 dengan peratusan responden sangat tidak setuju 60.5%, tidak setuju 7%, kurang setuju 14%, setuju 7% dan sangat setuju 11.6%.

Jadual 5. Skor min bagi kategori sub topik sikap belia terhadap Pemikiran Tidak Beragama

Sub topik	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P
Saya bersetuju amalan berzina boleh memenuhi keperluan seks seseorang	81.4	0	9.3	9.3	0	1.46	1.00
Saya menyokong pentadbiran negara dilaksanakan	81.4	11.6	0	4.7	2.3	1.34	.089

berasaskan kehendak rakyat bukan kerana agama							
Saya tidak suka mendengar khutbah jumaat kerana ia membuang masa	86.0	2.3	11.6	0	0	1.25	0.65
Saya menolak hudud kerana ia tidak memberi keadilan kepada rakyat	93.0	7.0	0	0	0	1.06	0.25
Saya menyokong pergaulan bebas antara lelaki dan wanita	95.3	4.7	0	0	0	1.04	0.21
Saya menerima pemikiran yang hanya bersifat keduniaan.	95.3	4.7	0	0	0	1.04	0.21
Saya boleh mencapai kemajuan apabila agama dan dunia dipisahkan	93	4.7	2.3	0	0	1.09	0.36
Saya menyokong pembangunan yang hanya berasaskan material.	93	2.3	4.7	0	0	1.11	0.44
Saya bersetuju perlaksanaan hukum hudud hanya memecahbelahkan masyarakat.	86	4.7	7	2.3	0	1.25	0.69
Saya percaya kejayaan yang dimiliki adalah atas usaha saya sepenuhnya	88.4	7	2.3	2.3	0	1.18	0.58
Saya bersetuju akidah bukan asas utama dalam kehidupan.	100	0	0	0	0	1.00	0.00
Saya menyokong kalimah Allah boleh digunapakai untuk semua agama.	60.5	7	14	7	11.6	2.02	1.45
Saya menyokong penubuhan Interfaith Commision (IFC) di Malaysia.	67.4	11.6	16.3	4.7	0	1.58	0.93
Saya menolak status seorang Muslim dicatat dalam kad pengenalan.	93	7	0	0	0	1.27	1.03
Saya bersetuju mata pelajaran agama selain agama Islam hendaklah diajar di semua sekolah	58.1	2.3	18.6	16.3	4.7	2.06	1.36
Saya bersetuju pengedaran buku Bible dalam Bahasa Melayu kepada umum secara terbuka.	67.4	9.3	23.3	0	0	1.55	0.85
Saya menolak agama Islam dijadikan agama rasmi di Malaysia	97.7	2.3	0	0	0	1.02	0.15
Saya bersetuju diadakan kebebasan LGBT	95.3	4.7	0	0	0	1.04	0.21
Saya menerima status seorang	95.3	4.7	0	0	0	1.09	0.42

gay adalah suatu yang normal.							
Saya menyokong gerakan COMANGO di Malaysia	83.7	7	9.3	0	0	1.25	0.62
Saya menyokong tanggungjawab wanita tidak terikat dengan peraturan rumahtangga	86.0	2.3	9.3	2.3	0	1.27	0.73
Saya tidak kisah pemimpin saya seorang pengamal LGBT, yang penting dia laksanakan amanah rakyat	86	0	14	0	0	1.27	0.70
Saya bersetuju al-Quran ditafsirkan semula bagi mendapatkan wahyu Tuhan yang asal	86	0	11.6	2.3	0	1.30	0.77
Saya menolak penggunaan mashaf <i>rasm Uthmani</i>	93.0	2.3	4.7	0	0	1.11	0.44

Walaupun hasil dapatan menunjukkan bahawa dua puluh item dalam konstruk sikap belia terhadap pemikiran agama menunjukkan min yang rendah dan sangat membimbangkan, namun hanya terdapat tujuh item yang memberi kesan terhadap sikap negatif belia dalam pemikiran tidak beragama iaitu item saya bersetuju amalan berzina boleh memenuhi keperluan seks seseorang mencatatkan min 1.46 dengan peratusan responden sangat tidak setuju 81.4%, tidak setuju 0%, kurang setuju 9.3%, setuju 9.3% dan sangat setuju 0%, item saya menyokong pentadbiran negara dilaksanakan berasaskan kehendak rakyat bukan kerana agama (min 1.34) dengan peratusan responden sangat tidak setuju 81.4%, tidak setuju 4.7%, kurang setuju 0.7%, setuju 2.3% dan sangat setuju 0%, item saya bersetuju perlaksanaan hukum hudud hanya memecahbelahkan masyarakat (min 1.25) dengan peratusan responden sangat tidak setuju 86%, tidak setuju 4.7%, kurang setuju 7%, setuju 2.3% dan sangat setuju 0%, item Saya percaya kejayaan yang dimiliki adalah atas usaha saya sepenuhnya (min 1.18) dengan peratusan responden sangat tidak setuju 88.4%, tidak setuju 0.7%, kurang setuju 2.3%, setuju 2.3% dan sangat setuju 0%, item saya menyokong penubuhan *Interfaith Commision* (IFC) di Malaysia (min 1.58) dengan peratusan responden sangat tidak setuju 67.4%, tidak setuju 11.6%, kurang setuju 16.3%, setuju 0.7% dan sangat setuju 0%, item saya menyokong tanggungjawab wanita tidak terikat dengan peraturan rumahtangga (min 1.27) dengan responden sangat tidak setuju 86.0%, tidak setuju 2.3%, kurang setuju 9.3%, setuju 2.3% dan sangat setuju 0% dan item saya bersetuju al-Quran ditafsirkan semula bagi mendapatkan wahyu Tuhan yang asal (min 1.30) dengan peratusan responden sangat tidak setuju 86%, tidak setuju 0%, kurang setuju 11.6%, setuju 2.3% dan sangat setuju 0%.

6. Dapatan Dan Perbincangan

Kajian ini menunjukkan aspek penghayatan Islam dalam kehidupan para belia berada di tahap yang baik. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti belia sangat mengambil berat tentang Islam ditambah aspek-aspek lain iaitu tahap pendidikan, minat mengikuti ceramah agama dan peranan media sosial. Bagaimana pun tahap sikap belia berada di tahap yang

sederhana. Ini menunjukkan bahawa para belia tidak menggunakan pengetahuan agama untuk dipraktikkan dalam kehidupan Islam yang sebenar.

Hasil dapatan kajian awal menunjukkan tahap sikap belia yang kurang daripada 20% terlibat dengan pemikiran tidak beragama, namun ini menunjukkan bahawa ideologi pemikiran tidak beragama ini sudah mula menular dan menyerang pemikiran belia Islam dan semakin berkembang untuk merosakkan akidah belia Islam.

Berdasarkan kajian awal menunjukkan tahap sikap belia berkaitan aliran-aliran pemikiran seperti humanisme, sekularisme, pluralisme dan liberalisme berada di tahap sederhana. Ini menunjukkan para belia tidak mempunyai personaliti yang tinggi di dalam menggabungkan jiwa, hati dan akal yang seimbang dalam membentuk iman yang kukuh untuk membentengi diri daripada unsur-unsur negatif dalam pemikiran tidak beragama.

Ini bertepatan dengan Al-Ghazali (1957) menjelaskan *nafs*, *qalb* dan *aql* merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi personaliti manusia. Gabungan ketiga-tiga aspek tersebut akan membentuk jiwa belia Islam yang mampu menangkis serangan pemikiran dan menolak anasir pengaruh-pengaruh luar. Bahkan faktor-faktor lain juga turut mempengaruhi pemikiran belia Islam.

Seperti faktor baka dan faktor persekitaran juga merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi personaliti (Mok Soon Sang, 2008). Ini dibuktikan dengan kes-kes murtad yang berlaku di Malaysia, walaupun mereka telah murtad tetapi mereka berpura-pura melaksanakan ajaran Islam seperti kes Elena, Esther, Joshu dan lain-lain (Shahrizzaman, 2014). Ini menunjukkan sikap belia yang lemah bukan dipengaruhi oleh tahap pengetahuan mereka berkaitan ajaran Islam sehingga menyebabkan mereka mudah terpengaruh dan terpesong daripada ajaran Islam tetapi disebabkan faktor-faktor lain. Ini disokong dengan Noor Hisham Md.Nawi (2011) turut menjelaskan kegagalan konsep khilafah yang mengikut acuan Islam dalam sistem pentadbiran, ditambah dengan sistem pendidikan yang berkiblatkan Barat serta sistem sekular menjadi salah satu punca umat Islam semakin jauh daripada agama Islam.

Bahkan belia pengajian Islam perlu bertanggungjawab memastikan perkembangan isu-isu semasa digerakkan selaras dengan tuntutan tradisi pengajian iaitu al-Quran dan al-Sunnah (Badlisham Mohd Nasir, 2009). Setiap para belia Islam mesti mempunyai sensitiviti yang tinggi terhadap isu-isu semasa sebagai contoh, isu rayuan membatalkan keputusan berkaitan menjadi suatu kesalahan bagi lelaki Islam berpakaian seperti wanita sebagai tidak sah di bawah enakmen Syariah negeri Sembilan baru-baru ini oleh Mahkamah Persekutuan akan membuka pintu seluas-luasnya kepada mereka yang mahu melihat pluralisme, liberalisme dan lain-lain, berkembang biak di negara ini (Sinar Harian, 2014).

Persepsi dan kendiri seseorang akan memberi kesan kepada tingkahlaku seseorang (Ee Ah Meng, 2005). Sehubungan dengan itu, kekuatan jati diri dan sikap belia terhadap al-Quran dan al-Sunnah akan mampu menangkis serangan-serangan pemikiran seperti aliran humanisme, sekularisme, pluralisme dan liberalisme. Ini disokong dengan Noor Hisham Md. Nawi (2011) bahawa kurikulum pendidikan umat Islam masa kini hanya berjaya melahirkan pelajar yang pandai berhujah dalam syariat Islam tetapi gagal menghayati ruh dan maqasid hukum-hukum itu. Ini jelas menunjukkan

bahawa terdapat banyak cabaran-cabaran semasa seperti cabaran aliran humanisme, sekularisme, pluralisme dan liberalisme yang perlu ditangkis oleh golongan belia Islam dengan kekuatan rohani dan spiritual yang berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah.

Rujukan

- Ahmad Farouq Musa. (2014). *Pengejaran yang Tidak Berkesudahan terhadap Negara Islam*. Dlm. Ahmad Farouk Musa. 2014. Wacana Pemikiran Reformis. Jil II. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥamidī. (1957). *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* Juz I-III, Kaherah: 'Īsā al-Bāb al-Ḥalabī wa al-Shirkah).
- Ary, D., Jacobs, L. C. & Razavieh, A. (1996). *Introduction To Research In Education*. Orlando, Florida: Harcourt Brace College Publishers.
- Babbie, E. R. (2001). *The Practise Of Social Research*. Ed. ke-9. USA: Thompson Learning.
- Badlisham Mohd. Nasir. (2009). *Dinamisme Gerakan Islam Dan Cabaran Semasa*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Benz Ali, (2014). *Ada Apa Dengan Tuhan?* (<https://www.projekdialog.com>) dicapai dalam laman sesawang pada 1 Oktober 2015.
- Berenson, M. L. & Levine, D. M. (1992). *Basic Business Statistics: Concepts And Applications*. Ed. Ke-5. New Jersey: Prentice Hall.
- Ee Ah Meng. (2005). *Kursus Perguruan Lepas Ijazah Ilmu Pendidikan Pengetahuan dan Ketrampilan Ikhtisas (Semester 1)*, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Gay, L. R. & Airasian, P. (2003). *Educational Research: Competencies For Analysis And Applications*. Ed. ke-7. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Kamus Dewan. (2005). Ed. ke-4. cet. per-1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kerlinger, F. (1973). *Foundations of Behavioral Research*. Ed. ke-2. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Kerlinger, F. (1986). *Foundations of Behavioral Research*. Ed. ke-2. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mook Soon Sang. (2008). *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Neuman, W. Lawrence. (2006). *Social Research Methods*. Ed. Ke- 5. New York: Pearson Education Inc.
- Noor Hisham Md Nawi. (2011). *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Tanjong Malim: UPSI.
- Rafidah Hanim Mokhtar. (2015). *Sejarah Gerakan Feminisma*. Dlm Norbahiah Misran, Norsaleha Mohd Salleh, Zakiah Abd. Rahman dan Suriani Sudi. 2015. Wanita dan cabaran globalisasi. Putrajaya: Konwanis Consultansy.
- Sekaran, Uma. (2003). *Research Methods for Business*. Ed. Ke- 4. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sidek Mohd. Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori Dan Praktis*. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Serdang: Perkhidmatan Percetakan FPP.

- Sinar Harian. (2014). *Rayuan Minta Keputusan Dibatalkan* (dalam talian) <http://www.sinarharian.com.my/semasa/rayuan-minta-keputusan-dibatalkan-5/12/2014>. (pada 7 Disember 2015).
- Syahrizzaman Bistaman. 2014. Democratic Action Party (DAP) dan Nasional Evangelical Chritian Fellowship dalam kerta kerja Seminar “Projek Liberalisme; Dimensi dan Mekanismenya” Raja Chulan: Kuala Lumpur.
- Ulwān, ‘Abd al-Allāh Nāsih. (2003). *Pendidikan Kanak-Kanak Dalam Islam*. Terj. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- Wiersma, W. (2000). *Research Methods In Education: An Introduction*. Needham Heights: A Division of Simon & Schuster Inc.
- William J. McKinney, Jr. (1972). *Reviewed Work: The Culture of Unbelief by Rocco Caporale, Antonio Grumelli. Journal of Review of Religious Research*. Vol. 14, No. 1, Religious Commitments, Roles, and Organizations. pp. 47-50.

Author’s Biography

Zainora Daud, lulusan Ph.D. dalam bidang al-Quran di Universiti Malaya. Beliau mendapat ijazah M.A dalam bidang pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dan B.A dalam bidang Usuluddin, pengkhususan (al-Quran dan Hadith) di Universiti Malaya. Beliau juga lulusan Darul Quran, JAKIM dalam bidang tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Sekarang memegang jawatan sebagai Ketua Program Doktor Falsafah (PhD) di Pusat Siswazah, KUIS dan merupakan bekas pensyarah di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Beliau banyak menulis kertas kerja dan jurnal dalam bidang al-Quran, al-Qiraat serta pengajian Islam dan terlibat dengan geran-geran penyelidikan dalam bidang al-Quran, hadith dan pengajian Islam. Bidang penulisan merangkumi pengajian Islam dan pengajian al-Quran. Terlibat dengan aktiviti-aktiviti pengajian al-Quran dan Tajwid di sekitar Selangor. Kini beliau bertugas sebagai pensyarah kanan di Universiti Sains Islam Malaysia. Alamat e-mel: zainora@usim.edu.my.